

Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Berhubung Dengan Penyata Kewangan

Penyata ini disediakan untuk memenuhi Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.

Para Pengarah diperlukan untuk menyediakan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan adil bagi keadaan hal ehwal Syarikat dan Kumpulan pada akhir setiap tahun kewangan dan keputusan mereka dan aliran tunai mereka bagi tahun yang berakhir tersebut.

Dalam penyediaan Penyata Kewangan, Pengarah mengambil kira perkara-perkara berikut,

- Syarikat dan Kumpulan telah menggunakan polisi perakaunan sewajarnya dan digunakan secara konsisten;
- pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah telah dibuat; dan
- semua piawaian perakaunan yang di luluskan di Malaysia telah di patuhi.

Para Pengarah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa Syarikat dan Kumpulan menyimpan rekod-rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketetapan munasabah kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan, dan membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab umum bagi mengambil langkah-langkah tertentu secara munasabah tersedia kepada mereka untuk memelihara aset-aset Syarikat dan Kumpulan, dan untuk menghalang dan mengesan penipuan dan lain-lain luar aturan.

Pernyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mei 2007.